

26/09/1997

Taman jadi imej Kuala Kangsar

Bahari Abdullah

KUALA KANGSAR: Majlis Daerah Kuala Kangsar (MDKK) mencipta sejarah apabila berjaya menghidupkan suasana keindahan bandar diraja itu dengan kehijauan pokok dan bunga-bunga yang menarik.

Keindahan itu dapat dinikmati menerusi taman rekreasi serta taman mini yang dibina secara gotong-royong oleh kakitangan MDKK.

Justeru, MDKK patut dipuji kerana program pengindahan itu sekali gus meningkatkan imej bandar berkenaan yang kini dikenali sebagai Bandar Dalam Taman.

MDKK juga boleh disifatkan sebagai pelopor utama program pengindahan bandar di Perak kerana setiap aspek kegiatannya di sektor pengindahan sentiasa dicontohi.

Selain membina beberapa taman rekreasi yang kebanyakannya di pinggir Sungai Perak, MDKK juga membina berpuluh taman mini dalam pelbagai bentuk menarik.

Projek pengindahan itu bermula dari kawasan Istana Iskandariah, Bukit Chandan hingga ke beberapa jalan utama menuju pusat bandar seperti Jalan Taiping, Jalan Sultan Iskandar Shah Jalan Istana dan Jalan Kota Lama.

Bagi mencerikan suasana, MDKK juga membina taman rekreasi yang menarik di beberapa pusat tumpuan orang ramai seperti terminal teksi, perhentian bas, pondok telefon, kawasan rumah rehat dan bangunan kerajaan.

Usaha itu dapat menarik perhatian orang ramai termasuk pelancong asing untuk bersiar-siar di bandar berkenaan sesuai dengan kempen menggalakkan pelancong berkunjung ke Perak.

Tinjauan Berita Harian mendapati MDKK turut mengindahkan beberapa pekan kecil di bawah pentadbirannya seperti Sungai Siput (utara), Manong, Enggor, Salak Baru dan Padang Rengas.

Usaha itu dibuat supaya pekan kecil terbabit tidak ketinggalan dari segi program pengindahan di samping mewujudkan suasana bandar dalam taman untuk diseragamkan dengan Kuala Kangsar.

Yang Dipertua MDKK, Abdul Rahim Salleh, berkata program pengindahan itu lanjutan Kempen Bersih dan Indah yang dilancarkan di seluruh negara empat tahun lalu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, seperkara yang membanggakan, program itu dapat memupuk minat masyarakat pelbagai kaum supaya menjaga kebersihan dan keindahan alam sekitar.

"Amalan menjaga kebersihan bukan sahaja disarankan oleh kerajaan, malah dituntut oleh Islam" katanya.

Beliau berharap program bersih dan indah yang diusahakan itu dapat melatih masyarakat serta memberi pendedahan mengenai ciri kehidupan yang sempurna dan sihat.

Abdul Rahim berkata, masyarakat patut berbangga dengan kejayaan MDKK mengekalkan gelaran johan kebersihan dan keindahan peringkat negeri dua tahun berturut-turut mulai 1993.

Menurut beliau, kejayaan besar itu berkat kerjasama semua pihak termasuk 20 kakitangan Bahagian Pengindahan dan Penyelenggaraan MDKK yang sentiasa berusaha menjaga kebersihan serta mewujudkan suasana menarik di daerah itu.

(END)